

## Rumah Terbuka Aidilfitri MSU meriah, lebih 3,000 tetamu hadir

Oleh [Latifah Arifin](#) - Mei 3, 2024 @ 9:55pm  
[latifah@bh.com.my](mailto:latifah@bh.com.my)



Presiden MSU, Profesor Tan Sri Dr Mohd Shukri Ab Yajid (tiga kanan) bersama Pengarang Urusan Kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP) merangkap Pengarang Kumpulan Berita Harian (BH), Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman (tiga dari kiri) pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri MSU 2024 di Dewan Canselor MSU Shah Alam. - Foto FAIZ ANUAR

SHAH ALAM: Rumah Terbuka Aidilfitri Management Science & University (MSU) berlangsung meriah dengan kehadiran lebih 3,000 tetamu di sini, hari ini.

Walupun hujan lebat sejak jam 3 petang tadi, sambutan tetamu amat menggalakkan dengan kehadiran luar biasa sebaik majlis bermula.

Majlis berkonseptan gerai dengan lebih 30 juadah makanan itu diadakan khusus untuk meraikan rakan industri dan pihak berkepentingan seperti awam, berkanun, autoriti, pihak pengurusan sekolah dan media.

Majlis itu turut diserikan dengan kehadiran Presiden MSU, Prof Tan Sri Dr Mohd Shukri Ab Yajid, Naib Canselor MSU, Profesor Datuk Dr Puan Sri Datuk Dr Junainah Abd Hamid dan pengurusan kanan universiti.

Turut hadir, Pengarang Urusan Kumpulan NSTP merangkap Pengarang Kumpulan Berita Harian (BH) Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman dan Pengarang Eksekutif (Kandungan) Harian Metro, Muhamad Safar Ahmad.

Pada majlis sama, MSU turut meraikan alumninya yang dijemput bagi bersama-sama meraikan Syawal.

Antara hidangan yang disajikan kepada tetamu termasuk rendang, ketupat, sate, kuih-muih, cendol dan nasi lemak.

Kemeriahannya lebih dirasai dengan persembahan daripada kakitangan dan penuntut MSU yang mendendangkan seleksi lagu raya baru dan lama.

Setiap tahun, MSU mengadakan Rumah Terbuka Aidilfitri sebagai menghargai dan merapatkan ukhwah warga universiti itu dengan individu dan pelbagai pihak, khususnya dalam sektor pendidikan.